

15 SEP 1999

Undang-undang-Peranan

PEGUAM DIBERITAHU SUPAYA TANGANI BEBERAPA PERANAN

SUBANG JAYA, 15 Sept (Bernama) -- Kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa profesion guaman nampaknya tidak mengambil berat mengenai "pencabulan hak asasi manusia" oleh peniaga mata wang menarik perhatian seorang peserta pada Persidangan Undang-undang Komanwel ke-12 di sini hari ini.

Pesuruhjaya Suruhanjaya Undang-undang Afrika Selatan, Jeremy Gauntlett yang bercakap atas tajuk "The Role of Bar Association in Fostering the Rule of Law" mendorong para peserta, kebanyakan peguam untuk mengkaji mesej Dr Mahathir dalam ucapannya ketika merasmikan persidangan itu Isnin lalu.

Gauntlett nampaknya bersetuju dengan kenyataan Dr Mahathir apabila beliau berkata peguam telah gagal memperjuangkan isu pencabulan hak asasi manusia oleh peniaga mata wang yang menyebabkan berjuta-juta orang hilang pekerjaan dan pendapatan.

Ketika berucap merasmikan persidangan itu, Dr Mahathir berkata kalangan perundangan pun, yang sering melaungkan mengenai keadilan, nampaknya tidak mengambil kisah mengenai pencabulan hak asasi manusia secara sistematik dan besar-besaran yang terang-terang dilakukan oleh peniaga mata wang.

Gauntlett berkata, dalam hubungan ini, peguam perlu menangani beberapa peranan.

Beliau berkata antara peranan untuk ditangani oleh peguam ialah memastikan supaya rakyat menikmati hak untuk mendapatkan peguam.

Beliau berkata peguam juga harus memberi bantuan guaman di negara masing-masing seperti yang diberi oleh Majlis Peguam Malaysia.

Gauntlett berkata mereka juga harus mencari jalan untuk melobi untuk "memperkukuhkan kebebasan mahkamah."

Beliau meminta persatuan-persatuan peguam membuka keanggotaannya kepada semua orang tanpa mengamalkan diskriminasi terhadap agama, warna kulit atau jantina.

Sementara itu, Majlis Peguam memberitahu para peserta tentang bagaimana pertubuhan itu dan Badan Peguam Malaysia berusaha bagi mendesak kerajaan memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan undang-undang lain yang membenarkan penahanan tanpa bicara.

"Majlis telah menjelaskan pendiriannya bahawa dalam sebuah negara demokrasi seperti Malaysia, undang-undang itu tidak membawa kebaikan bagi masa depan keluhuran undang-undang jika undang-undang yang membenarkan penahanan tanpa bicara terus termaktub dalam sistem," kata presiden Majlis Peguam R.R.Chelvarajah ketika membentangkan kertas cadangan atas tajuk yang sama.

Chelvarajah berkata bagi kebebasan mengamalkan keluhuran undang-undang, amatlah penting kebebasan mutlak badan kehakiman dijamin.

-- BERNAMA

ES FAZ